



**#MajuTerusPahang #Pahang1<sup>st</sup>**

Ruj. Kami : PERB.PHG.BPP 100-1/5/2 JLD. 2 (7)

Tarikh : 23 Mei 2025

**SEMUA KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB**

YB Dato' Indera/Sahibus Samahah Dato'/YAA Dato'/YH Dato'/Tuan,

**SURAT ARAHAN OPERASI AKAUNTAN NEGERI BIL. 2 TAHUN 2025  
- PENYERAGAMAN BORANG PERGERAKAN DOKUMEN iSPEKS**

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Surat Arahan Operasi ini bertujuan untuk menyeragamkan format Borang Pergerakan Dokumen iSPEKS yang digunakan di peringkat Pusat Tanggungjawab.

2. Merujuk kepada Arahan Perbendaharaan 103(a), Ketua Jabatan hendaklah memastikan semua bil dan tuntutan disampaikan dan dibayar dengan segera dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh ia diterima dengan lengkap dan sempurna. Untuk makluman YB Dato' Indera/Sahibus Samahah Dato'/ YAA Dato'/YH Dato'/tuan tempoh 14 hari tersebut diambil kira dari tarikh bil dan tuntutan didaftarkan dalam Sistem iSPEKS sehingga tarikh EFT/cek diproses.

3. Pentadbiran ini telah menetapkan sasaran kerja tiga hari untuk menyemak dan mengesah dokumen pembayaran (Pengesah AN) serta tiga hari untuk memproses EFT/cek. Sehubungan itu, Pusat Tanggungjawab hendaklah merekod setiap pergerakan dokumen pembayaran dengan lengkap dalam Borang Pergerakan Dokumen iSPEKS dalam format seperti **Lampiran**. Arahan Pembayaran yang telah dijana dengan tarikh EFT/cek hendaklah dikembalikan dengan dokumen sokongan dan Borang Pergerakan Dokumen iSPEKS serta ditebuk/dicap **TELAH BAYAR** dan difail secara berturutan.

4. Arahan Operasi Akauntan Negeri Bilangan 2 Tahun 2025 adalah berkuat kuasa dari tarikh surat ini.

Sekian, terima kasih.

**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' NOR AKILLAH BINTI OSMAN c.A.(M))**

Akauntan Negeri  
b.p Pegawai Kewangan Negeri  
Pahang Darul Makmur

s.k: YB Pegawai Kewangan Negeri



## BORANG PERGERAKAN DOKUMEN iSPEKS

iSPEKS

### A) JENIS URUSNIAGA

Arahan Bayaran-Interim

Inden Kerja/  
Pesanan Tempatan

Baucar Kecil/  
Rekupmen Panjar Wang Runcit

Baucar Jurnal

Pendahuluan/Tuntutan

Akaun Belum Bayar

### B) PENDAFTARAN BIL/TUNTUTAN

Tindakan	Tandatangan	Tarikh	Catatan
Daftar			
Penyedia			
Pengesah AN			
Pelulus			

### C) KEMASUKAN TERIMAAN BARANG/PROSES REKUPMEN [Modul Perolehan dan Panjar Wang Runcit]

Tindakan	Tandatangan	Tarikh	Catatan
Penyedia			

### D) ARAHAN BAYARAN

Tindakan	Tandatangan	Tarikh	Catatan
Penyedia			
Penyemak			
Pengesah AN			
Pelulus			